



Ruj. Kami : KDN.PPF.600-1/4/2 (18)

Tarikh : 28 Oktober 2022

## KEPADА YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan

### GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENAPISAN FILEM IKLAN DAN FILEM PROMOSI (*HOME SHOPPING/ JUALAN LANGSUNG*) BAGI PRODUK BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK SERTA PERALATAN ATAU PERANTI FREKUENSI

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kementerian ini melalui Lembaga Penapis Filem (LPF) bertanggungjawab melaksanakan penapisan filem dan bahan publisiti filem untuk siaran, sebaran tayangan, edaran dan jualan kepada masyarakat umum di Malaysia. LPF juga bertanggungjawab membuat penapisan ke atas filem-filem iklan dan filem yang mempromosikan produk atau barang elektrik dan elektronik serta peralatan atau peranti frekuensi (*termasuk home shopping/ jualan langsung*) sebelum ditayangkan kepada masyarakat umum. Dalam melaksanakan proses penapisan tersebut, LPF merujuk kepada beberapa Akta atau Peraturan daripada pihak berkuasa yang lain seperti Suruhanjaya Tenaga dan *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) yang berkaitan produk atau barang elektrik dan elektronik serta peralatan atau peranti frekuensi disamping Garis Panduan Penapisan Filem sedia ada.
3. Sehubungan itu, bagi memastikan segala peraturan tersebut dipatuhi, semua permohonan penapisan filem iklan dan filem promosi bagi produk atau barang elektrik dan elektronik serta peralatan atau peranti frekuensi kepada pihak LPF perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut selaras dengan arahan didalam Akta/ Peraturan berkenaan.
  - a) Salinan surat kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga; dan
  - b) Salinan surat kelulusan daripada SIRIM.
4. Pihak YBhg. Dato/ Tuan/ Puan hendaklah memastikan segala dokumen tersebut adalah lengkap dan teratur sebelum mengemukakan permohonan penapisan filem iklan produk atau barang elektrik dan elektronik serta peralatan atau peranti frekuensi kepada pihak LPF.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada Encik Mustafa bin Abd Hamid 03-88863217 atau Puan Chong Siew Chin 03-88863382. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato/ Tuan/ Puan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HJ. MOHD DUSUKI BIN HJ. YA'ACOB)**  
Pengerusi  
Lembaga Penapis Filem  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

Edaran Dalaman:

**SUB (PPF)**